

SULIT



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2022/2023**

- NAMA KURSUS : FALSAFAH PENDIDIKAN
- KOD KURSUS : BBD 10102
- KOD PROGRAM : BBA/BBB/BBC/BBD/BBE/BBF/BBG
- TARIKH PEPERIKSAAN : JULAI/OGOS 2023
- JANGKA MASA : 2 JAM
- ARAHAN :
1. JAWAB SEMUA SOALAN DI DALAM BORANG OMR YANG DISEDIAKAN
 2. PEPERIKSAAN AKHIR INI DIJALANKAN SECARA TUTUP BUKU
 3. PELAJAR TIDAK DIBENARKAN MERUJUK KEPADA MANA-MANA SUMBER RUJUKAN BAGI PEPERIKSAAN YANG DIJALANKAN SECARA TUTUP BUKU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI ENAM BELAS (16) MUKA SURAT

SULIT

TERBUKA

- S1** Falsafah dalam Bahasa Yunani ialah Philo dan Sophia. Definisi Philo ialah
- A. cinta
 - B. cinta akan hikmah
 - C. cinta akan ilmu
 - D. cinta akan manusia
- S2** Sophia bermaksud 'hikmah'. Apakah yang dimaksudkan dengan hikmah?
- A. Mampu menimba ilmu dan menyebarkan ilmu sains dan sastera
 - B. Mampu menghasilkan pengetahuan yang logik dan menyebarkannya
 - C. Mampu menilai baik buruk sesuatu perkara dan berani bertindak dengannya
 - D. Menghasilkan aplikasi terhadap pengetahuan dan memajukan negara melaluinya
- S3** Perkaitan di antara pendidikan dan falsafah ialah
- A. pendidikan merupakan ilmu dan falsafah merupakan logik di sebalik kehidupan
 - B. pendidikan merupakan ilmu pengetahuan dan falsafah merupakan tujuan penggunaan ilmu tersebut di dalam kehidupan
 - C. pendidikan merupakan logik sesebuah ilmu pengetahuan dan falsafah merupakan nilai sebalik logik tersebut
 - D. pendidikan merupakan ilmu aplikasi dan falsafah merupakan proses berfikir
- S4** Manakah antara berikut tujuan utama falsafah?
- A. Menyebarkan ilmu sains dan sastera
 - B. Mencari dan mendapatkan kebenaran
 - C. Memberikan pandangan mendalam terhadap ilmu
 - D. Menghasilkan aplikasi sains terhadap pengetahuan
- S5** Manakah antara berikut adalah konsep utama pemikiran falsafah Socrates?
- A. Falsafah terbentuk dari proses 'bertanya' dan 'menjawab'
 - B. Falsafah merupakan logik di sebalik kehidupan
 - C. Falsafah merupakan nilai sebalik logik sesuatu ilmu
 - D. Falsafah merupakan proses berfikir apabila mempelajari sesuatu ilmu

- S6** Apakah falsafah utama Thomas Hobbes dalam pendidikan?
- A. Falsafah sebagai tunggak utama pendidikan abad ke-21
 - B. Falsafah sebagai pendidikan yang menerap kemahiran yang diperlukan di dalam alam pekerjaan
 - C. Falsafah sebagai ilmu pengetahuan yang menerangkan hubungan sebab dan akibat
 - D. Falsafah sebagai pendidikan yang berunsur gabungan amali dan pembelajaran teori di dalam kelas
- S7** Antara berikut, susunan yang betul dalam ahli falsafah mengikut keguruan ialah
- A. Socrates – Plato – Aristotle
 - B. Plato – Aristotle – Socrates
 - C. Hobbes – Socrates – Aristotle
 - D. Plato – Aristotle – Hobbes
- S8** Definisi Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (PLTV) paling tepat ialah
- A. pendidikan abad ke-21 dan pendidikan era 5.0
 - B. pendidikan yang menerap kemahiran yang diperlukan di dalam alam pekerjaan
 - C. pendidikan yang fokus kepada 60% latihan dan 40% teori di dalam proses pembelajaran
 - D. pendidikan yang berunsur gabungan amali dan pembelajaran teori di dalam kelas
- S9** Manakah di antara berikut idea falsafah yang mendorong pembelajaran melalui karya sejarah?
- A. Idealisme
 - B. Paradigma
 - C. Karisma
 - D. Romantisme
- S10** Berikut merupakan falsafah Socrates dan Plato tentang pendidikan.
- A. Hidup tanpa falsafah umpama hidup terkapai di lautan
 - B. Matlamat pendidikan adalah untuk mendapatkan ilmu pengetahuan
 - C. Falsafah merupakan tujuan utama hidup seseorang
 - D. Individu yang berfalsafah merupakan individu yang berprinsip

- S11** Cabang falsafah aksiologi merupakan aliran yang mengkaji
- A. wahyu kejadian alam dan pengalaman
 - B. realiti sesuatu perkara yang berlaku
 - C. kaedah melakukan sesuatu perkara dengan betul
 - D. nilai di dalam sesuatu perkara yang berlaku dalam kehidupan
- S12** Peranan guru di dalam falsafah pendidikan berpusatkan guru ialah
- A. guru menjadi fasilitator kepada pelajar
 - B. guru menjadi pendengar yang baik kepada pelajar
 - C. guru menjadi autoriti di dalam proses pengajaran dan pendidikan
 - D. guru harus memastikan pelajar sentiasa cemerlang di dalam peperiksaan
- S13** Aliran falsafah tradisional terdiri daripada aliran
- A. pragmatisme dan idealisme
 - B. eksistensialisme dan pragmatisme
 - C. realisme dan idealisme
 - D. pragmatisme dan realisme
- S14** Peranan guru dalam falsafah eksistensialisme ialah
- A. memastikan pelajar menerokai perkara yang disukai
 - B. memastikan pelajar membaca, mengira dan menulis
 - C. memastikan pelajar diberi kebebasan bersuara
 - D. memastikan pelajar dapat berfikir seperti Hamka
- S15** Berikut merupakan ciri-ciri guru yang berpegang kepada falsafah idealisme.
- A. Selalu menggalakkan belajar dari sejarah dan pengalaman
 - B. Kerap memanggil pelajar untuk menjawab soalan di hadapan
 - C. Menjadikan penulis buku sebagai watak utama dalam pengajaran
 - D. Selalu membuat demonstrasi supaya pelajar dapat mengikuti arahan
- S16** Guru yang berpegang kepada falsafah realisme berpendapat bahawa
- A. semua pengajaran tidak perlu nilai dan etika
 - B. semua pengajaran perlu disokong dengan akal dan logik fikiran
 - C. pengajaran merupakan pemindahan ilmu yang tidak boleh dipertikaikan
 - D. pengajaran haruslah berpandukan pengajaran ahli falsafah terdahulu

- S17** Guru yang memegang falsafah rekonstruktivisme berpendapat bahawa
- A. semua pelajar harus pandai berbuat semua perkara
 - B. fokus pendidikan perlu mengikut kebolehan individu pelajar
 - C. pelajar tidak boleh dipaksa membuat apa yang mereka tidak mahu
 - D. pelajar haruslah dibimbing untuk mempelajari kemahiran dalam hidup
- S18** Perbezaan *school of thoughts* dalam pendidikan bertujuan untuk
- A. meraikan perbezaan pendapat
 - B. memahami limitasi manusia
 - C. mencari kebaikan dan kelemahan setiap aliran
 - D. mencari kaedah terbaik bagi mengaplikasi pendidikan
- S19** Di antara falsafah berikut, yang manakah merupakan falsafah moden?
- A. Perennialisme dan progresivisme
 - B. Perennialisme dan esensialisme
 - C. Esensialisme dan progresivisme
 - D. Progresivisme dan rekonstruktivisme
- S20** Antara berikut, yang manakah merupakan prinsip utama falsafah idealisme?
- A. Pendidikan tidak sama untuk setiap manusia kerana setiap manusia berbeza
 - B. Kebijaksanaan adalah ciri utama manusia dan manusia perlu menggunakannya
 - C. Tugas pendidikan adalah untuk menyelaraskan manusia kepada kebenaran
 - D. Manusia belajar dari sejarah dan berasaskan kebijaksanaan karya-karya agung
- S21** Tujuan utama pendidikan mengikut fahaman rekonstruktivisme ialah
- A. pendidikan yang merujuk kepada cara pemikiran golongan karya agung
 - B. menyusun semula masyarakat untuk meneliti krisis sosial dan kebudayaan
 - C. mendidik manusia dalam perkembangan umum pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam bentuk yang sistematik
 - D. pendidikan tidak boleh disekat tetapi hendaklah menjadi asas kepada pemikiran dan pemahaman pelajar
- S22** Pendidikan dari aspek falsafah pendidikan Islam terdiri daripada
- A. *tarbiyyah, ta'asub dan ta'lim*
 - B. *tarbiyyah, taksum dan ta'adib*
 - C. *ta'dib, ta'lim dan tarbiyyah*
 - D. *tarbiyyah, ta'lim dan talaqi*

- S23** Di antara berikut, yang manakah tidak termasuk dalam pendidikan tradisional di Malaysia sebelum kedatangan British?
- A. Madrasah
 - B. Panglipur Lara
 - C. Sekolah Agama
 - D. Pendidikan Istana
- S24** Semasa penjajahan British, pendidikan agama disusun kepada institusi berikut iaitu
- A. sekolah agama dan sekolah pondok
 - B. sekolah pondok dan pasentran
 - C. sekolah agama dan sekolah jenis kebangsaan
 - D. sekolah agama dan madrasah moden
- S25** Semasa penjajahan British, sekolah venakular berikut ditubuhkan kecuali
- A. Sekolah Cina
 - B. Sekolah Tamil
 - C. Sekolah Inggeris
 - D. Sekolah Hindu
- S26** Rancangan Skinner mengemukakan racangan persekolahan berikut kecuali
- A. *Homeschool*
 - B. Sekolah sesi berasingan
 - C. Sekolah dua sesi
 - D. Sekolah sesi pagi dan petang
- S27** Pada tahun 1935, Sekolah Melayu tidak mendapat sambutan rakyat kerana
- A. sekolah Melayu hanya fokus kepada pendidikan agama
 - B. sekolah Melayu hanya fokus mendidik pelajar menjadi guru agama
 - C. sekolah Inggeris lebih berprestij dan lebih mudah mendapat pekerjaan
 - D. sekolah Inggeris lebih berkualiti dalam memberikan pendidikan
- S28** Di antara berikut, siapakan golongan yang menjadi pengasas Sekolah Cina di Malaysia?
- A. Persatuan Kristian dari Negara China
 - B. Persatuan Mubaligh dari London
 - C. Persatuan Bangsa Cina seMalaysia
 - D. Persatuan Kebangsaan Rakyat Cina Tanah Melayu

- S29** Antara berikut, yang manakah tidak termasuk di dalam elemen Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)?
- A. Usaha berterusan dalam mendidik manusia
 - B. Stabil dalam jasmani, rohani, emosi dan intelek
 - C. Usaha mendidik merupakan usaha pendidik
 - D. Usaha berlandaskan kepada kepercayaan kepada Tuhan
- S30** Kronologi pembentukan Falsafah Pendidikan Negara adalah seperti berikut
- A. Laporan Cheeseman – Laporan Barnes – Laporan Fenn Wu – Ordinan Pelajaran – Laporan Razak – Laporan Rahman Talib – Laporan Jawatankuasa Kabinet
 - B. Laporan Barnes – Laporan Cheeseman – Laporan Fenn Wu – Ordinan Pelajaran – Laporan Razak – Laporan Rahman Talib – Laporan Jawatankuasa Kabinet
 - C. Laporan Cheeseman – Laporan Barnes – Laporan Fenn Wu – Ordinan Pelajaran – Laporan Razak – Laporan Razak Kedua – Laporan Rahman Talib
 - D. Laporan Fenn Wu – Laporan Barnes – Laporan Nippon – Ordinan Pelajaran – Laporan Razak – Laporan Rahman Talib – Laporan Hussein Onn
- S31** Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) adalah hasil daripada
- A. Laporan Barnes
 - B. Ordinan Pelajaran
 - C. Laporan Rahman Talib
 - D. Laporan Jawatankuasa Kabinet
- S32** Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) telah digubal berlandaskan tiga komponen utama yang berikut kecuali
- A. Rukun Negara
 - B. Dasar Ekonomi Baru Ketiga (1976-1980)
 - C. Dasar Pendidikan Kebangsaan (1999)
 - D. Dasar Pelajaran 1979
- S33** Berikut merupakan faktor pembentukan Falsafah Pendidikan Negara kecuali
- A. politik
 - B. sosial
 - C. penjajah
 - D. individu

- S34** Apakah peranan utama Falsafah Pendidikan Kebangsaan?
- A. Sebagai cahaya menyuluh rohani manusia
 - B. Sebagai dasar dan hala tuju pendidikan negara
 - C. Sebagai panduan tidak dijajah pendidikan luar
 - D. Sebagai nilai murni perkembangan ilmu Sains dan Matematik
- S35** Falsafah Pendidikan Kebangsaan memberi kesan besar kepada pembentukan tiga elemen iaitu
- A. pembentukan kurikulum, pendidik, dan negara
 - B. kementerian, pembentukan diri dan masyarakat
 - C. pembentukan kurikulum, pendidik dan institusi
 - D. pembentukan kurikulum, kementerian dan negara
- S36** Reformasi pendidikan di Malaysia terserlah di dalam idea berikut kecuali
- A. Wawasan 2020
 - B. Misi Nasional
 - C. Malaysia Madani
 - D. Wawasan Pendidikan Global 2030
- S37** Prinsip utama pendidikan di dalam konsep Islam Hadhari ialah
- A. pendidikan merupakan konsep Islam moden
 - B. pendidikan merupakan konsep Islam *syumul*
 - C. Pendidikan merupakan konsep Islam yang merujuk kisah para nabi
 - D. Pendidikan merupakan keseimbangan di dalam setiap agama di Malaysia
- S38** Berapakah bilangan teras yang diketengahkan di dalam Misi Nasional?
- A. Empat
 - B. Tujuh
 - C. Lima
 - D. Sembilan
- S39** Asas kemahiran Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (PLTV) ialah
- A. kemahiran numerasi dan literasi
 - B. kemahiran menukang dan melepai
 - C. kemahiran menggegag dan melarik
 - D. kemahiran mengimpal dan memotong besi

- S40** Piawaian Pendidikan Latihan dan Vokasional (PLTV) di dalam negara dilaksanakan melalui
- A. NOSS dan SLDN
 - B. KBSR dan KBSM
 - C. KPM dan BPTV
 - D. JPK dan BPTV
- S41** Dua aliran falsafah yang dikenali sebagai falsafah moden ialah
- A. pragmatisme dan perenialisme
 - B. eksistensialisme dan pragmatisme
 - C. essensialisme dan idealisme
 - D. rekonstruktivisme dan perenialisme
- S42** Apakah perbezaan falsafah tradisional dan moden?
- A. pengasas dan nilai falsafah
 - B. nilai falsafah dan idea
 - C. hubungan cara dan matlamat
 - D. pengikut dan idea
- S43** Falsafah yang manakah berpendapat kewujudan manusia adalah bentuk kerohanian dan cara fikiran?
- A. Eksistensialisme
 - B. Realisme
 - C. Idealisme
 - D. Pragmatisme
- S44** Mengikut Daley (1966), falsafah realisme ialah realiti yang merujuk kepada
- A. alam fizikal
 - B. alam roh
 - C. alam futuristik
 - D. alam imaginasi atau khayalan
- S45** Falsafah realisme terbahagi kepada
- A. rasional dan rohani
 - B. natural dan rohani
 - C. rohani dan spiritual
 - D. rasional dan natural

- S46** Fokus utama falsafah pendidikan Islam menitik beratkan proses perkembangan berikut kecuali
- A. spiritual
 - B. emosi
 - C. rohani
 - D. jasmani
- S47** Matlamat utama falsafah pendidikan Islam ialah
- A. Melahirkan khalifah yang *kamil*
 - B. Melahirkan pemimpin yang luar biasa
 - C. Melahirkan insan berjaya dunia dan akhirat
 - D. Melahirkan manusia yang menurut perintah pemimpin
- S48** Sejarah pendidikan di Malaysia boleh dibahagikan kepada peringkat
- A. sebelum penjajahan British, semasa penjajahan British, pembentukan Malayan Union sehingga merdeka, dan di antara merdeka dan pembentukan Malaysia
 - B. sebelum penjajahan British, semasa penjajahan Jepun, selepas penjajahan Jepun, dan semasa penjajahan British
 - C. selepas penjajahan Belanda, selepas penjajahan Portugis, sebelum penjajahan British, dan semasa penjajahan British
 - D. sebelum penjajahan British, selepas penjajahan British, semasa penjajahan Jepun dan sebelum merdeka.
- S49** Falsafah pendidikan barat terbahagi kepada empat aliran utama iaitu
- A. idealisme, realisme, pragmatisme dan eksistensialisme
 - B. progresivisme, karierisme, romantisme dan essentialisme
 - C. idealisme, karierisme, pragmatisme dan eksistensialisme
 - D. pragmatisme, romantisme, eksistensialisme dan idealisme
- S50** Konsep 3M (membaca, menulis dan mengira) terhasil daripada konsep falsafah
- A. Idealisme
 - B. Realisme
 - C. Esensialisme
 - D. Eksistensialisme

- S51** Konsep asas falsafah pendidikan Islam ialah
- A. pendidikan hasus berlandaskan pendidikan di Arab Saudi
 - B. pendidikan hasus berlandaskan Al-Quran dan As-sunnah
 - C. pendidikan merupakan tanggungjawab murid dan guru
 - D. pendidikan merupakan sesuatu yang tidak diterima di dalam agama
- S52** Falsafah Islam menitik beratkan konsep Tarbiyah iaitu
- A. pendidikan perlu dipelajari daripada guru
 - B. pendidikan merupakan tujuan hidup manusia
 - C. pendidikan yang berpusatkan Tuhan dan alam semesta
 - D. pendidikan yang melahirkan contoh yang baik kepada generasi akan datang
- S53** Sejarah pendidikan secara formal di Malaysia bermula daripada sistem penjajahan
- A. Belanda
 - B. Portugal
 - C. Jepun
 - D. British
- S54** Berikut merupakan pembelajaran informal yang dilaksanakan pra merdeka, kecuali
- A. pembelajaran di istana
 - B. pembelajaran panglipur lara
 - C. pembelajaran di madrasah
 - D. pembelajaran perubatan mistik
- S55** Dasar 'pecah dan perintah' di zaman penjajahan British dihasilkan untuk
- A. mengekalkan kuasa menakluk
 - B. membahagi kuasa British dan Melayu
 - C. melaksanakan pemerintahan kolaboratif
 - D. melaksanakan bimbingan dalam pemerintahan
- S56** Maktab Perguruan Sultan Idris ditubuhkan pada tahun
- A. 1922
 - B. 1936
 - C. 1923
 - D. 1957

- S57** Sekolah Cina pertama didirikan di Malaysia pada tahun 1815 oleh mubaligh dari negara
- A. China
 - B. London
 - C. Morocco
 - D. Indonesia
- S58** Falsafah Pendidikan Negara diwujudkan pada tahun
- A. 1985
 - B. 1996
 - C. 1988
 - D. 1979
- S59** Laporan manakah mengesyorkan satu aliran kebangsaan sekolah diwujudkan?
- A. Laporan Barnes
 - B. Laporan Cheeseman
 - C. Jemaah Nazir Persekutuan
 - D. Penguasa Pengajar Tempatan
- S60** Berikut merupakan cadangan utama Laporan Razak
- A. peperiksaan SRP dan STPM diambil oleh pelajar sekolah menengah
 - B. Bahasa Inggeris merupakan satu-satunya mata pelajaran wajib di sekolah
 - C. Kemudahan pelajaran Bahasa Cina akan diberikan kepada semua sekolah
 - D. Pelajaran teknik disusun semula dan dinilai oleh pakar setiap lima tahun
- S61** Laporan Rahman Talib telah diperaku oleh Akta Pendidikan pada tahun
- A. 1957
 - B. 1960
 - C. 1961
 - D. 1965
- S62** Tujuan utama Dasar Ekonomi Baru adalah untuk
- A. mengkaji semula dasar ekonomi selepas kejadian 13 Mei 1969
 - B. mengkaji dasar pendidikan negara selepas kejadian 13 Mei 1969
 - C. mengkaji dasar sekolah jenis kebangsaan selepas kejadian 13 Mei 1969
 - D. menghapuskan Laporan Razak hasil daripada rusuhan 13 Mei 1969

- S63** Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) adalah hasil daripada laporan
- A. Laporan Razak
 - B. Ordinan Pelajaran
 - C. Laporan Fenn-Wu
 - D. Jawatankuasa Kabinet
- S64** Elemen yang manakah di antara berikut bukan elemen yang disebut di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan
- A. Jasmani
 - B. Rohani
 - C. Empati
 - D. Intelek
- S65** Idea penggubalan Falsafah Pendidikan Kebangsaan bermula pada tahun 1979 selepas pembentukan
- A. Laporan Jawatankuasa Kabinet
 - B. Dasar Pendidikan Baru
 - C. Laporan Barnes
 - D. Laporan Rahman
- S66** Berikut merupakan faktor utama pembentukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan
- A. Sejagat
 - B. Negara
 - C. Perpaduan
 - D. Penjajahan
- S67** Apakah implikasi utama Falsafah Pendidikan Kebangsaan kepada pendidik?
- A. Perubahan sikap dan strategi pengajaran
 - B. Peningkatan rasa kasih dan sayang kepada negara
 - C. Menyemai rasa cinta kepada pelajar
 - D. Menyemai rasa cinta kepada pentadbir negara
- S68** Apakah implikasi utama Falsafah Pendidikan Kebangsaan kepada institusi pendidikan?
- A. Meraikan perbezaan budaya yang ada dalam institusi
 - B. Mewujudkan persaingan sihat dalam kalangan pelajar
 - C. Mewujudkan ikatan kemesraan antara pelajar dan guru
 - D. Mewujudkan iklim pembelajaran sekolah yang kondusif

- S69** Dasar Pandang ke Timur (1982) mengubah sistem pendidikan sewaktu itu melalui tanda aras pendidikan ke arah negara-negara maju. Negara maju manakah yang dimaksudkan oleh dasar ini?
- A. Jepun dan Korea Selatan
 - B. Singapura dan Jepun
 - C. China dan Jepun
 - D. Korea dan Singapura
- S70** Pengajaran yang bertumpu kepada pelajar Teknik dan Vokasional adalah kepada falsafah
- A. Idealisme
 - B. Realisme
 - C. Pragmatisme
 - D. Eksistensialisme
- S71** Pendidikan pelajar melalui pementasan merupakan kaedah pengajaran aplikasi falsafah
- A. Realisme
 - B. Idealisme
 - C. Konstruktivisme
 - D. Eksistensialisme
- S72** Falsafah yang mengaplikasikan kepentingan deria mata, telinga, dan fikiran lojik ialah
- A. Realisme
 - B. Romantisme
 - C. Pragmatisme
 - D. Perenialisme
- S73** Seorang guru meminta pelajar melakonkan watak yang membawa identiti seorang yang berfalsafah. Guru tersebut mengamalkan pengajaran berasaskan falsafah
- A. Realisme
 - B. Idealisme
 - C. Pragmatisme
 - D. Eksistensialisme

- S74** Ta'alim di dalam falsafah pendidikan Islam diamalkan secara terus oleh guru melalui
- A. Kuliah di dalam silibus mata pelajaran
 - B. Kelas amali dan peralatan makmal
 - C. Kajian lapangan di industri berkaitan
 - D. Pembelajaran dan amalan sepanjang hayat
- S75** Ta'dib secara istilah boleh didefinisikan sebagai
- A. ketamadunan sesebuah bangsa
 - B. kerahsiaan sesebuah negara
 - C. kepimpinan melalui tauladan
 - D. kemewahan rakyat jelata
- S76** Tarbiyah dari segi bahasa boleh didefinisikan sebagai
- A. pembangunan sebuah kerajaan
 - B. pembangunan sesebuah tamadun
 - C. pembangunan sesebuah negara Islam
 - D. pembangunan peribadi secara sistematik
- S77** Pembelajaran abad ke-21 menekankan pendidikan falsafah berikut kecuali
- A. pendidikan berpusatkan guru
 - B. pendidikan berpusatkan pelajar
 - C. pendidikan eksistensialisme
 - D. pendidikan rekonstruktivisme
- S78** Pembelajaran secara aplikasi dalam talian merupakan aplikasi falsafah pendidikan berikut kecuali
- A. pragmatisme
 - B. idealisme
 - C. karierisme
 - D. eksistensialisme
- S79** Seorang guru yang berfalsafah akan mengambil tindakan berikut kecuali
- A. membuat persiapan pengajaran sebelum masuk ke kelas
 - B. mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar di dalam kelas
 - C. mengenal pasti peluang pembelajaran yang disediakan oleh pihak sekolah
 - D. mengenal pasti kaedah pelajar mampu belajar secara sendiri sewaktu kelas

SULIT

BBD 10102

- S80** Falsafah pendidikan masih menjadi teras utama pendidikan di Malaysia pada abad ke-21 kerana perkara berikut kecuali
- A. falsafah menjadi asas perpaduan rakyat
 - B. falsafah berupaya menghasilkan individu *mediocrity*
 - C. falsafah berupaya menjadikan masyarakat lebih berteknologi
 - D. falsafah berupaya mendokong masyarakat yang lebih bertamadun

-SOALAN TAMAT-